

20 JUN 2001

Umno-Pemuda (Wakil)

EXCO PEMUDA TIDAK HANTAR WAKIL KE PERHIMPUNAN AGUNG

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Buat pertama kali, Pemuda Umno tidak menghantar wakil daripada kalangan anggota exco pergerakan itu ke Perhimpunan Agung Umno esok.

Ini kerana pergerakan itu memutuskan untuk memberi laluan kepada pemimpin di peringkat bahagian bagi mengisi 10 tempat sebagai wakil ke perhimpunan itu yang akan dirasmikan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Keputusan itu dibuat apabila perhimpunan Pemuda menerima dua cadangan semasa pemilihan bagi mendapatkan perwakilan ke perhimpunan agung.

Apabila Pengerusi Tetap Datuk Khalid Yunus meminta supaya cadangan itu dipersetujui, wakil dari Bahagian Rantau Panjang Shaari Mat Husin bangun memberitahu beliau ingin mencadangkan satu lagi senarai.

Khalid kemudian mencadangkan supaya lima nama diambil daripada senarai pertama dan lima lagi daripada senarai kedua tetapi tidak dipersetujui oleh sebahagian perwakilan.

Ketua pergerakan Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula mencadangkan supaya diadakan undian. Bagaimanapun barisan Exco Pemuda bersetuju untuk memberi laluan kepada senarai kedua.

Hishammuddin ketika ditemui pemberita selepas itu berkata isu itu merupakan perkara biasa dalam demokrasi dan tidak akan menjejaskan Pemuda secara keseluruhan.

"Ia tidak menimbulkan masalah kepada exco kita. Yang penting bukan jadi perwakilan tetapi bagaimana nak ترجمahkan hala tuju yang disusun untuk Pemuda," katanya ketika diminta mengulas mengenai keputusan itu.

Sementara itu, Naib Ketua Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir yang turut diminta mengulas berkata pada tahun-tahun sebelum ini, perwakilan Pemuda terdiri daripada Exco dan bukan Exco.

Bagaimanapun katanya, ia menunjukkan Pemuda menerima demokrasi yang sebenarnya.

Perhimpunan Pemuda itu disertai lebih 600 perwakilan.

-- BERNAMA

NM AZZ LAT